



TINJAUAN INSURANS HAYAT MALAYSIA

Bahagian Insurans Hayat mencatatkan pendapatan premium berjumlah RM1.1 bilion (2008: RM1.2 bilion), menurun sebanyak 8.3% terutamanya kerana kemerosotan dalam premium tahun pertama dan produk premium tunggal, secara khususnya Pelan Endowmen Dividen Tetap ("FDE") dan produk berkaitan pelaburan.

Bahagian Insurans Hayat juga mencatatkan pendapatan operasi lain bersih RM42.4 juta (2008: perbelanjaan operasi lain bersih RM239.5 juta) terutamanya kerana peningkatan nilai saksama pelaburan yang disebut harga berjumlah RM60.5 juta (2008: kerugian nilai saksama RM84.2 juta) berikutan prestasi lebih baik dalam pasaran saham.

Pada 2009, tiada pemindahan dibuat daripada Dana Insurans Hayat kepada Dana Pemegang Saham.

Pada tempoh yang mendatang, MAA akan memberi tumpuan kepada pertumbuhan hasil menerusi inovasi produk dan meluaskan pengedaran dengan melantik dan mengekalkan ejen yang berkualiti. Untuk kekal kompetitif, MAA akan melancarkan pelan berkaitan pelaburan inovatif yang memenuhi keperluan pelanggan dalam persekitaran ekonomi semasa sambil memenuhi keperluan bagi perlindungan peribadi dan tabungan. Tidak kurang pentingnya, MAA akan terus memberikan penekanan utama terhadap pengambilan ejen, latihan dan pengendalian perniagaan untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan pengetahuan ejen, meningkatkan produktiviti jualan dan pada masa yang sama menambahkan tenaga jualan.

TINJAUAN INSURANS AM MALAYSIA

Bahagian Insurans Am mencatatkan peningkatan premium kasar ditaja jamin sebanyak 27.9% kepada RM476.1 juta (2008: RM372.1 juta).

Kedua-dua premium motor dan bukan motor masing-masing meningkat sebanyak 34.4% kepada RM264.5 juta (2008: RM196.8 juta) dan 20.7% kepada RM211.6 juta (2008: RM175.3 juta).

Pada tahun yang dilaporkan, nisbah tuntutan merosot kepada 68.9% (2008: 73.6%). Pengurangan tersebut dicapai hasil tindakan strategik berferusan yang diambil sejak beberapa tahun lepas untuk keluar daripada perniagaan yang tidak menguntungkan. Selain nisbah tuntutan lebih baik, Bahagian ini melaporkan pendapatan operasi lain bersih yang lebih tinggi berjumlah RM16.9 juta (2008: perbelanjaan operasi lain bersih RM33.1 juta) disebabkan terutamanya peningkatan nilai saksama pelaburan yang disebut harga sebanyak RM15.8 juta (2008: kerugian nilai saksama RM26.5 juta) yang diperolehi berasaskan prestasi lebih baik dalam pasaran saham.

Peningkatan nilai saksama pelaburan disebut harga telah membolehkan Bahagian Insurans Am memulihkan prestasi dengan keuntungan sebelum cukai RM37.5 juta pada 2009 berbanding kerugian sebelum cukai RM17.6 juta pada 2008.

TINJAUAN INSURANS TAKAFUL MALAYSIA

MAA Takaful memulakan operasi pada Julai 2007.

Pada 2009, Takaful Keluarga mencatatkan caruman kasar berjumlah RM84.7 juta (2008: RM76.1 juta) terutamanya daripada produk berkaitan pelaburan, manakala Takaful Am mencatatkan caruman kasar RM72.7 juta (2008: RM33.9 juta), sebahagian besarnya daripada insurans kebakaran dan kelas insurans bukan motor.

Pada tahun operasi penuh ketiganya, Dana Pemegang Saham MAA Takaful mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai berjumlah RM3.0 juta (2008: kerugian sebelum cukai RM2.3 juta). Sementara itu, Dana Takaful Am mengalami kerugian sebelum cukai lebih rendah sebanyak RM2.5 juta (2008: RM7.8 juta).

Dana Takaful Keluarga mencatatkan lebih tidak diperuntukkan berjumlah RM3.6 juta (2008: RM0.9 juta) selepas menolak pemindahan lebih sebanyak RM1.6 juta (2008: sifar) kepada Dana Pemegang Saham. Di bawah Seksyen 16(3) Akta Takaful 1984, Lembaga Pengarah MAA Takaful telah meluluskan pengagihan lebih Dana Takaful Keluarga berjumlah RM3.3 juta, seperti yang dicadangkan oleh syarikat aktuari yang dilantik. Pengagihan akan dikongsi secara saksama oleh syarikat (sebagai pengendali) dan peserta menurut dasar pengagihan lebih MAA Takaful.

Kami berbangga untuk mengumumkan bahawa pada November 2009 MAA Takaful telah menerima anugerah "Produk Takaful Paling Cemerlang" bagi produk Takafulink di Majlis Anugerah Kewangan Islam Kuala Lumpur Keenam 2009. Produk tersebut mendapat sambutan menggalakkan daripada para pelanggan sebagai pelan perlindungan yang mempunyai ciri pelaburan/tabungan.

Memasuki tahun ketiga operasi, MAA Takaful telah merumuskan strategi untuk mengoptimalkan proses dan sistem dalaman, sambil memperluas tawaran produk untuk memastikan pelanggan dapat memanfaatkan perkhidmatan yang cekap dan produk yang unggul. MAA Takaful akan terus memperkenalkan program latihan menyeluruh untuk tenaga agensi dalam usaha menaikkan tahap profesionalisme dan produktiviti mereka.

Walaupun menghadapi keadaan ekonomi semasa yang mencabar dan persaingan pasaran yang sengit, MAA Takaful akan terus berusaha untuk melancarkan produk inovatif baru, meluaskan asas pelanggan, merekrut tenaga agensi yang berkualiti dan produktif dan membina saluran pengedaran baru.

TINJAUAN UNIT AMANAH MALAYSIA

Pada 2009, industri unit amanah Malaysia mencatatkan pertumbuhan dengan Nilai Aset Bersih ("NAB") dana di bawah pengurusan meningkat 42.6% kepada RM191.7 bilion (2008: RM134.4 bilion). Sementara itu, nilai aset di bawah pengurusan pengurus dana pula bertambah sebanyak 39.9% pada 2009 berbanding penyusutan 15.7% pada 2008.

MAAKL Mutual Bhd ("MAAKL"), syarikat pengurusan unit amanah Kumpulan melancarkan dana baru iaitu Dana Ekuiti Amerika Syarikat MAAKL pada tahun yang dilaporkan dengan jumlah saiz dana awal permulaan 600 juta unit, menjadikan secara keseluruhannya dua puluh empat (24) dana yang diuruskan.

NAB dana unit amanah di bawah pengurusan MAAKL pada akhir Disember 2009 berjumlah RM1.6 bilion (2008: RM1.1 bilion), menandakan peningkatan 45.5% berikutan pemulihan kukuh pasaran saham pada tahun yang dilaporkan, sejajar dengan prestasi industri unit amanah.

Pada tahun yang dilaporkan, MAAKL terus memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan, walaupun keuntungan sebelum cukainya lebih rendah pada RM1.1 juta (2008: RM1.7 juta).

Dalam usahanya untuk meluaskan rangkaian pengedaran, MAAKL telah mengikat perjanjian pengedaran dengan HwangDBS Investment Management Bhd ("HwangDBS") dan OSK-UOB Unit Trust Management Bhd ("OSK-UOB") pada 2008, di mana MAAKL akan mengedarkan enam dan tujuh dana masing-masing daripada HwangDBS dan OSK-UOB. Sejumlah 13 dana ini akan diedarkan secara khusus oleh penasihat unit amanah MAAKL. Dengan penambahan dana HwangDBS dan OSK-UOB, MAAKL buat masa ini menawarkan pilihan meluas sebanyak 37 dana untuk membolehkan para pemegang unit mempelbagaikan pelaburan mereka dalam kelas aset yang sepadan dengan profil risiko dan objektif pelaburan mereka.

Setakat akhir Disember 2009, MAAKL mempunyai seramai 1,175 ejen (2008: 1,070 ejen). Dalam usaha berterusannya untuk memberikan ejen dan pemegang unit dengan peralatan terkini untuk merancang, memantau dan menguruskan prestasi pelaburan unit amanah dari mana-mana, pada bila-bila masa menerusi Internet, MAAKL telah menambah baik perisian perancangannya yang memenangi anugerah, iaitu MAAKL Home Office dengan pelancaran versi ketiga pada tahun ini.

Strategi proaktif pihak pengurusan untuk membina dan mengukuhkan infrastruktur, tenaga agensi dan rangkaian pengedaran akan membantu memantapkan lagi kedudukan MAAKL untuk terus berkembang sejajar dengan pemulihan keadaan pelaburan pasaran.

TINJAUAN OPERASI ANTARABANGSA

MAA International Assurance Ltd ("MAAIA"), bahagian insurans dan pelaburan luar pesisir Kumpulan yang berpangkalan di Labuan, mencatatkan pendapatan premium kasar lebih tinggi berjumlah RM77.9 juta (2008: RM73.0 juta). Syarikat mengalami kerugian sebelum cukai lebih rendah berjumlah RM1.8 juta (2008: kerugian RM11.7 juta). Kerugian pada 2008 disebabkan terutamanya oleh kerugian penjualan 34% kepentingan saham dalam anak syarikat insurans di Indonesia kepada pemegang saham minoriti di bawah perjanjian pemegang saham minoriti, pada pertimbangan berjumlah RM6.1 juta.

Buat tahun kelima berturut-turut, kedua-dua perniagaan insurans di Indonesia dan Filipina memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan, manakala perniagaan insurans hayat di Indonesia juga mencatatkan keuntungan buat tahun kelima.

Perniagaan unit amanah Kumpulan di Filipina berjaya melaporkan keuntungan pada 2009, prestasi lebih baik berbanding kerugian pada 2008. Keuntungan diperolehi terutamanya menerusi keuntungan tukaran asing belum direalisasikan atas modal awal yang dilaburkan ke dalam dana Euro dan Dolar akibat peningkatan nilai Peso berbanding Euro dan Dolar. Industri unit amanah di Filipina telah dikuasai terutamanya oleh bank dan peserta utama lain yang telah membina asas modal mereka. Dengan sumber yang terhad, Kumpulan gagal bertapak kukuh dalam sektor unit amanah di Filipina. Sejak 2008, Kumpulan telah mengurangkan skala operasi perniagaan unit amanah di Filipina untuk menampung kos dan mengekalkan daya maju perniagaan. Oleh yang demikian, Kumpulan sedang mencari pihak berminat untuk mengambil alih pelaburan dalam perniagaan unit amanah di Filipina.

Syarikat sekutu Kumpulan, Columbus Capital Pty Ltd ("CCAU") kembali pulih untuk mencatatkan keuntungan pada 2009 daripada kerugian pada 2008. Keuntungan dicapai terutamanya daripada peningkatan nilai saksama sebanyak AUD4.4 juta (2008: kerugian nilai saksama AUD8.2 juta) bagi urus niaga swap kadar faedah, berikutan penggunaan kaedah perakaunan nilai saksama di mana instrumen kewangan di luar lembaranimbangan dinilai dan diiktiraf dengan sewajarnya dalam akaun. CCAU memulakan operasi pada 2006 untuk menjalankan perniagaan pinjaman perumahan runcit dan persekutuan di Australia. Pinjaman perumahan pakej CCAU tidak menanggung risiko kredit kerana pinjaman dilindungi insurans S&P (syarikat insurans bertaraf AA).